

**[THE CONCEPT OF ISLAMIC CHILDREN'S LITERATURE FROM AL-NADWI'S
PERSPECTIVE]**

TASAWUR SASTERA KANAK-KANAK ISLAMI MENURUT PERSPEKTIF AL-NADWI

MOHD SHAHRIZAL NASIR ^{1*}
KAMARUL SHUKRI MAT TEH ²

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

² Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

*Corresponding author: mohdshahrizal@unisza.edu.my

Received Date: 2 March 2020 • Accepted Date: 28 September 2020

Abstract

Literature is one of the mediums in conveying knowledge to human beings. This shows that literature is inseparable from education. Indeed, the literary works that contains knowledge is a manifestation of the writer's understanding towards the function of literature. Therefore, it is a must for society to expose with a good quality of literary works, including for the children. The literary books for the Muslim children that carries Islamic teachings and suitable for their ages must be considered as the main reading materials. The understanding of the concept of Islamic Children's Literature based on Muslim scholars' perspectives is considered as a guideline for writers and readers to understand this concept. Al-Nadwi was one of the Islamic scholars who had a clear understanding on the idea of Islamic Children's Literature. Thus, this paper will analyse al-Nadwi's perspective on the Islamic Children's Literary books. This study uses text analysis methods which involve several materials, including primary and secondary sources. The findings of this study show that al-Nadwi had outlined at least three elements representing his idea on the Islamic Children's Literature, which are the empowerment of "al-Sirah al-Nabawiyah", the use of "al-qissah" as literary genre and the emphasis on values in the literary works for the children. These three elements are not only stated by al-Nadwi as his theoretical point of views, but also applied in producing of his literary works for the children.

Keywords: *al-Nadwi, Islamic Literature, Islamic Children's Literature, literary thought, Islamic education.*

Abstrak

Sastera adalah antara medium penyampaian ilmu untuk manusia. Hal ini memperlihatkan bahawa sastera tidak boleh dipisahkan daripada pendidikan. Sememangnya penghasilan bahan karya

sastera yang mengandungi mesej ilmu adalah manifestasi kefahaman karyawan tentang fungsi sastera. Maka wajarlah segenap lapisan masyarakat didedahkan dengan karya sastera yang bermutu termasuk golongan kanak-kanak. Bagi kanak-kanak Muslim pula, bahan sastera yang membawa mesej Islam perlu dijadikan bahan bacaan utama yang bersesuaian dengan peringkat umur mereka. Pemahaman terhadap konsep Sastera Kanak-Kanak Islami berdasarkan kupasan para sarjana berautoriti dilihat dapat memandu karyawan dan pembaca untuk memahami konsep ini sebaiknya. Al-Nadwi adalah antara sarjana Islam yang mempunyai ufuk pandangan jelas berkenaan Sastera Kanak-Kanak Islami. Justeru, makalah ini akan menghuraikan perspektif al-Nadwi tentang tasawur Sastera Kanak-Kanak Islami. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks melibatkan bahan-bahan penulisan merangkumi sumber primer dan sekunder. Hasil kajian mendapati al-Nadwi antara lain menggariskan tiga elemen yang mendasari pemikirannya mengenai Sastera Kanak-Kanak Islami iaitu, pemeraksanaan tema “al-Sirah al-Nabawiyah”, pemanfaatan genre “al-qissah” dan penekanan terhadap aspek nilai murni dalam karya. Ketiga-tiga elemen ini bukan sahaja dinyatakan oleh al-Nadwi secara teori, malah turut diterapkan dalam penghasilan karya sasteranya untuk golongan kanak-kanak.

Kata kunci: al-Nadwi, Sastera Islam, Sastera Kanak-kanak Islami, pemikiran sastera, pendidikan Islam

Cite as: Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. 2020. Tasawur sastera kanak-kanak Islami menurut perspektif al-Nadwi. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari 21(3): 37-59

PENGENALAN

Pendidikan ialah satu elemen penting dalam pembangunan diri insan. Pendidikan yang baik akan mencorakkan pemikiran hebat sehingga melahirkan individu yang berilmu. Kemunculan ramai individu berilmu pula dapat membentuk kelompok masyarakat yang bertamadun. Justeru, pendidikan dilihat sebagai antara asas penting dalam pembentukan masyarakat berilmu mampu menatijahkan ketamadunan yang gemilang. Menurut al-Ahwani (1955), kegemilangan tamadun Islam sejak berzaman disebabkan pendidikan Islam yang sentiasa memelihara tradisi ilmu sejak awal kemunculannya dan dalam masa yang sama bergerak dalam dimensi kontemporari. Oleh itu, dapat dilihat bahawa ilmu dan pendidikan tidak boleh dipisahkan dalam kehidupan manusia lebih-lebih lagi melibatkan umat Islam bagi meneruskan legasi ketamadunan Islam yang gemilang.

Sejarah telah membuktikan kegemilangan tamadun umat Islam satu masa dahulu antara lain disebabkan faktor pemeraksanaan pendidikan melalui peletakan ilmu pada kedudukan yang sangat istimewa dalam sistem nilainya (Mohd Zaidi, 2009). Kehadiran Islam dalam masyarakat Arab Jahiliyah telah mengubah kehidupan mereka daripada amalan menyembah berhala kepada mentauhidkan Allah s.w.t. berdasarkan ketetapan wahyu samawi. Wahyu inilah yang menjadi sumber ilmu utama dalam Islam dengan ayat-ayatnya dimaktubkan dalam al-Quran manakala perincian lanjut disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. menerusi hadisnya.

Islam meletakkan pendidikan yang berteraskan tauhid pada kedudukan yang paling tinggi. Hal ini dapat dilihat berdasarkan penurunan wahyu pertama kepada Rasulullah s.a.w. melibatkan ayat pertama hingga kelima daripada surah al-‘Alaq yang mempunyai perkaitan

langsung dengan ilmu. Ayat pertama daripada lima ayat tersebut secara jelas memaparkan perkataan *iqra'* yang bererti “bacalah (wahai Muhammad)”. Gesaan untuk melakukan pembacaan ini dapat dikaitkan dengan tatacara pemerolehan ilmu. Perkataan *iqra'* pula disusuli dengan frasa *bi ismi rabbika* yang membawa maksud “dengan nama Tuhanmu”. Perkaitan antara perbuatan membaca dengan nama Tuhan yang merujuk kepada Allah s.w.t. ini membuktikan bahawa Islam menggesa manusia agar mendapatkan ilmu yang benar sesuai perkaitannya dengan Allah s.w.t. Oleh itu, pemerolehan ilmu daripada Allah s.w.t. adalah satu tuntutan kerana ia jalan untuk memahami bahawa manusia dimuliakan kerana ilmu yang diurus oleh akal.

Menurut Ibn Kathir (2004) dalam tafsirnya *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, penurunan ayat pertama hingga kelima surah al-'Alaq ini mempunyai perkaitan dengan penciptaan manusia daripada *'alaq*. Hal ini menjelaskan rahmat pertama yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. kepada para hamba-Nya. Perkara ini juga adalah satu nikmat yang dikurniakan kepada hamba-Nya di dunia. Allah s.w.t. dengan kemuliaan-Nya telah mengurniakan ilmu kepada manusia sehingga mereka mengetahui sesuatu yang tidak diketahui sebelumnya. Bukan itu sahaja, Allah s.w.t. memuliakan manusia dengan ilmu sehingga hal ini dapat membezakan manusia daripada malaikat.

Islam bukan sahaja meletakkan kedudukan ilmu pada tahap yang tinggi, malah golongan yang berusaha menuntut ilmu juga dikurniakan ganjaran yang sangat istimewa. Rasulullah s.a.w. banyak menjelaskan perihal ganjaran istimewa yang diberikan kepada golongan yang berusaha menuntut ilmu. Antara hadis Rasulullah s.a.w. yang menjelaskan ganjaran istimewa bagi golongan yang menuntut ilmu, ialah:

[مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَبْتَغِي فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ، وَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ لَتَضَعُ أَجْنِحَتَهَا لِطَالِبِ الْعِلْمِ رِضًا بِمَا يَصْنَعُ، وَإِنَّ الْعَالَمَ لَيَسْتَغْفِرُ لَهُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ حَتَّى الْحَيَاتُ فِي الْمَاءِ، وَفَضْلُ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلِ الْقَمَرِ عَلَى سَائِرِ الْكَوَاكِبِ، وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ وَإِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُوْرَثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا وَإِنَّمَا وَرَثُوا الْعِلْمَ، فَمَنْ أَخَذَهُ أَخَذَ بِحِطِّ وَافِرٍ].

Terjemahan: Sesiapa yang menempuh jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah akan memudahkan baginya jalan menuju ke syurga, dan para malaikat akan merendahkan sayapnya memayungi penuntut ilmu, serta semua penghuni bumi dan langit, dan ikan dalam lautan semuanya memohon keampunan buat mereka, dan sesungguhnya keutamaan darjat seorang ‘alim (ahli ilmu) ke atas seorang ‘abid (ahli ibadah) seperti keutamaan bulan purnama berbanding bintang-bintang, dan sesungguhnya ulama itu pewaris para nabi, dan para nabi tidak mewariskan dinar mahupun dirham tetapi mereka mewariskan ilmu, maka sesiapa yang mengambilnya (ilmu), maka mereka telah mengambil bahagian (khazanah) yang besar. (Hadis riwayat al-Tirmidzi, Jami' al-Tirmidzi, Kitab al-'Ilm 'an Rasulillah, no. hadis: 2646)

Dalam Islam, gesaan untuk menuntut ilmu meliputi semua peringkat manusia bermula daripada usia kanak-kanak sehingga orang dewasa. Suruhan memberi didikan kepada golongan kanak-kanak dapat difahami menerusi sabda Rasulullah s.a.w. yang menggesa para ibu bapa mengajar anak-anak menunaikan sembahyang fardu lima waktu. Hal ini menunjukkan bahawa proses mendidik insan dengan ilmu yang benar iaitu ilmu yang sejajar dengan wahyu, perlu dimulakan sejak daripada usia kanak-kanak. Sabda Rasulullah s.a.w. bermaksud:

[مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاصْرِفْهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرٍ.]

Terjemahan: Perintahkan anak-anak kamu supaya mendirikan sembahyang ketika berusia tujuh tahun dan pukullah mereka kerana meninggalkan sembahyang ketika berumur sepuluh tahun dan pisahkanlah tempat tidur antara mereka (anak lelaki dan perempuan). (Hadis riwayat Abu Dawud, Sunan Abi Dawud, Kitab al-Salah, no. hadis: 495)

Para sarjana Islam memahami prinsip pendidikan yang merupakan keperluan setiap insan bermula daripada usia kanak-kanak. Justeru, perbincangan mengenai ilmu dan pendidikan menjadi misi utama para sarjana Islam sejak dahulu lagi dan usaha tersebut diteruskan oleh para sarjana kontemporari. Antara tokoh sarjana kontemporari yang membahaskan perihal ilmu dan pendidikan dalam konteks Islam ialah Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi (seterusnya al-Nadwi). Beliau yang hidup dari tahun 1913 hingga 1999 merupakan seorang tokoh sarjana Islam kontemporari berasal dari India. Usaha yang dilakukan oleh al-Nadwi dalam bidang pendidikan bukan sahaja dilihat daripada penghasilan buku-buku tulisannya sahaja, tetapi turut disaksikan melalui usaha dakwahnya yang merentasi sempadan bumi kelahirannya India serta penglibatan dirinya secara aktif sebagai penggerak sebuah pusat ilmu dikenali Nadwah al-‘Ulama’ (lebih dikenali dengan ejaan Nadwatul ‘Ulama). Menurut Syed Muhammad Rabey (2014), sepanjang empat dekad Nadwatul ‘Ulama berada di bawah pentadbirannya, institusi pendidikan tersebut mendapat pengiktirafan dan penghormatan di peringkat global.

Persoalan mengenai pendidikan melibatkan setiap insan melangkaui batasan umur. Walau bagaimanapun, generasi muda adalah golongan yang paling hampir dengan proses pendidikan lebih-lebih lagi kanak-kanak. Oleh itu, al-Nadwi dilihat memberikan tumpuan khusus terhadap golongan ini menerusi usahanya menghasilkan karya khusus untuk bacaan kanak-kanak. Karya untuk kanak-kanak yang dihasilkan oleh al-Nadwi memberi penekanan terhadap sumber-sumber berautoriti dalam Islam. Hal ini secara mudah menggambarkan aspirasinya yang menginginkan kanak-kanak daripada kalangan umat Islam mendapat pendidikan berteraskan Islam seawal usia mereka.

Penghasilan karya al-Nadwi untuk kanak-kanak pula berkait rapat dengan kesusasteraan. Al-Nadwi dilihat berjaya menghasilkan karya-karya untuk kanak-kanak yang berorientasikan kesusasteraan. Justeru, penerokaan kajian tentang pemikiran al-Nadwi berdasarkan usahanya yang menjurus kepada pendidikan kanak-kanak perlu terus dilakukan agar lebih banyak manfaat baharu dapat diketengahkan.

SASTERA WADAH PENDIDIKAN

Kesusasteraan adalah antara cabang ilmu yang turut diiktiraf dalam Islam. Buktinya ialah penurunan al-Quran yang memiliki ketinggian bahasa dan seni selain kandungannya yang menjadi panduan kehidupan manusia. Al-Quran diturunkan sebagai satu bentuk cabaran bagi menundukkan kehebatan masyarakat Arab Jahiliah dalam kesusasteraan pada ketika itu. Justeru, untuk memahami kandungan al-Quran secara tepat, aspek kesusasteraan menjadi elemen penting selain daripada aspek tatabahasa. Jelaslah bahawa ilmu kesusasteraan mempunyai kepentingannya yang tersendiri dalam Islam. Justeru, perkaitan antara al-Quran dengan kesusasteraan dapat dilihat secara jelas berdasarkan peranan sastera sebagai salah satu ilmu alat untuk memahami keindahan al-Quran. Manakala semua aktiviti pengkaryaan sastera khususnya oleh golongan karyawan Muslim mesti mematuhi akidah yang merupakan aspek terpenting dalam kandungan al-Quran (Ungku Maimunah & Zulkarnain, 2020).

Sorotan terhadap sejarah perkembangan kesusasteraan Arab yang dikaitkan dengan al-Quran turut menemui fakta bahawa istilah *al-adab* yang kini difahami dengan maksud “sastera” mempunyai perkaitan dengan ilmu. Menurut Nasr al-Din (2005), selepas kedatangan Islam, perkataan *al-adab* telah membawa maksud yang lebih jelas apabila ia membawa pengertian yang menjurus kepada pendidikan atau disebut dalam istilah Arab sebagai *al-ta’lim*. Pengertian ini memberi fokus pendidikan dalaman yang mendorong diri untuk memiliki sifat-sifat yang terpuji dan mulia atau *makarim al-akhlaq* (al-Shanti, 2005).

Pada zaman permulaan Islam, iaitu zaman yang bermula daripada pengutusan Rasulullah s.a.w sebagai rasul terakhir sehingga pemerintahan *al-khulafa’ al-rashidun* yang terakhir, perkataan *al-adab* turut digunakan untuk merujuk kepada makna yang digunakan semasa zaman Jahiliah iaitu hidangan atau disebut *al-ma’dubah*. Walau bagaimanapun, pada zaman Islam, perkataan *al-ma’dubah* ditemui merujuk kepada makna *majaz* (kiasan) iaitu al-Quran (Shawqi, 1982). Al-Quran yang kaya dengan gaya bahasa *majaz* menyerlahkan ketinggian *Kalamullah* untuk mematahkan kehebatan seni syi’r (puisi) pada zaman permulaan Islam. Ibn Mas’ud telah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w pernah bersabda:

[إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ مَأْدُبَةُ اللَّهِ فِي الْأَرْضِ فَتَعَلَّمُوا مِنْ مَأْدُبَتِهِ مَا اسْتَطَعْتُمْ.]

Terjemahan: Sesungguhnya al-Quran ini adalah hidangan Allah di muka bumi, maka pelajarilah daripada hidangan-Nya sepuas hati kalian. (Hadis riwayat al-Tabrani, al-Mu’jam al-Kabir, no. hadis: 8646)

Hadis tersebut menyatakan bahawa al-Quran diumpamakan sebagai hidangan daripada Allah s.w.t kepada manusia di atas muka bumi, lalu Rasulullah s.a.w menggesa umat untuk belajar dan mengambil ilmu daripada kandungan al-Quran. Secara tidak langsung, hadis tersebut juga menjelaskan perkaitan antara perkataan *al-adab* dengan *al-‘ilm*. Jika diteliti terhadap al-Quran yang sarat dengan ilmu wahyu daripada Allah s.w.t., serta dihidangkan pula dengan gaya sastera yang menarik, kesemuanya menuntut manusia agar terus menimba ilmu yang terkandung di dalamnya. Di sinilah antara titik pertemuan yang jelas antara kaitan *al-adab* dan *al-‘ilm*. Hal ini dijelaskan oleh Allah s.w.t. dalam al-Quran:

﴿شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ...﴾

Terjemahan: Bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah... (Surah al-Baqarah, 2: 185)

Al-Quran tidak lepas daripada membicarakan kepentingan *makarim al-akhlaq* dalam kehidupan manusia, malah telah memainkan peranan yang cukup besar dalam memperluaskan perkara tersebut. Cahaya hidayah yang dibawa oleh al-Quran sememangnya mampu memandu manusia ke arah kebaikan jika ia dipegang dengan teguh dan dijadikan panduan utama kehidupan. Peranan ini juga turut dimainkan oleh kesusasteraan meskipun hal ini tidaklah bermaksud al-Quran yang mulia itu disamatarafkan dengan karya sastera ciptaan para karyawan. Dalam kesusasteraan Arab, unsur *makarim al-akhlaq* dilihat menjadi aspek utama yang diberi penekanan dalam pengkaryaan sastera khususnya melibatkan seni *syi'r* (puisi) selepas kemunculan Islam. Keadaan ini menggambarkan bahawa seni sastera turut dibentuk menurut acuan yang telah ditetapkan oleh Islam daripada sudut fungsi dan tujuannya.

Kepentingan mengaitkan kesusasteraan dengan Islam dapat dilihat antara lain apabila 'Umar al-Khattab pernah mengarahkan seorang sahabat bernama Abu Musa al-Ash'ari agar menyuruh sesiapa yang bersamanya untuk mempelajari seni puisi Arab. Seperti yang dinyatakan oleh al-Qayrawani (1996: 43), 'Umar menganggap seni puisi itu sebagai wadah bagi mengajak manusia kepada akhlak dan sifat terpuji, pendapat yang bernas serta pengetahuan yang luas tentang ilmu susur galur nasab masyarakat Arab. 'Umar dipetik sebagai berkata:

مُرْ مَنْ قَبْلَكَ بِتَعْلُمِ الشَّعْرِ؛ فَإِنَّهُ يَدُلُّ عَلَىٰ مَعَالِي الْأَخْلَاقِ، وَصَوَابِ الرَّأْيِ، وَمَعْرِفَةِ الْأَنْسَابِ.

Terjemahan: Suruhlah sesiapa yang hampir dengan kamu untuk mempelajari puisi; sesungguhnya ia membawa kepada ketinggian budi perkerti, pendapat yang benar, dan maklumat mengenai salasilah keturunan (Terjemahan bebas penulis)

Mu'awiyah bin Abi Sufyan juga pernah berpesan agar setiap lelaki pada zamannya sentiasa mementingkan perilaku atau akhlak anak masing-masing. Beliau turut menjelaskan bahawa puisi adalah antara bahan didikan tertinggi bagi mencapai adab yang terpuji. Adab di sini membawa maksud akhlak atau perilaku yang mulia. Mu'awiyah berkata (al-Qayrawani, 1996: 43):

يَجِبُ عَلَى الرَّجُلِ تَأْدِيبُ وَلَدِهِ، وَالشَّعْرُ أَعْلَىٰ مَرَاتِبِ الْأَدَبِ.

Terjemahan: Menjadi kewajipan atas setiap lelaki untuk mendidik anaknya, dan puisi adalah martabat adab yang paling tinggi. (Terjemahan bebas penulis)

Terdapat perubahan yang lebih ketara dalam bidang ilmu pengetahuan pada zaman Umayyah apabila wujudnya kelompok masyarakat yang dikenali sebagai *tabaqat al-mu'addibin* atau dikenali juga sebagai *tabaqat al-mu'allimin* yang antara tugas utama mereka ialah mengajar anak-anak khalifah tentang ilmu-ilmu penting seperti ilmu sejarah dan juga ilmu uslub atau nahu bahasa Arab (al-Rafi'i, 2000). Ilmu-ilmu yang diajar kepada anak-anak khalifah ini juga dikenali sebagai *'ulum al-mu'addibin*. Shawqi (1982) dalam kitabnya *Tarikh al-Adab al-'Arabi: Al-'Asr al-Jahili* turut menjelaskan cabang-cabang ilmu yang menjadi keutamaan para khalifah untuk diajarkan kepada anak-anak mereka. Ini termasuk ilmu kepenyairan yang termasuk dalam cabang kesusasteraan, sejarah, ilmu nasab keturunan serta ilmu berkaitan peristiwa-peristiwa penting pada zaman Jahiliah dan permulaan Islam terutama yang berkaitan dengan peristiwa perang. Berdasarkan kepada jenis-jenis ilmu tersebut, dapat difahami bahawa perkataan "*al-mu'addibin*" yang mempunyai perkaitan dengan perkataan *al-adab* membawa pengertian yang luas serta mencakupi pelbagai cabang ilmu pengetahuan. Hal ini akhirnya memberi pemahaman bahawa perkataan *al-adab* secara asasnya membawa terminologi "ilmu" merentasi cakupan bidang-bidang tertentu sepertimana yang difahami pada masa kini. Keadaan ini sepertimana yang dijelaskan oleh Shawqi (1982: 8):

المُؤَدِّبُونَ يُعَلِّمُونَ أَوْلَادَ الْخُلَفَاءِ فِي مَعْرِفَةِ الثَّقَافَةِ الْعَرَبِيَّةِ، فَكَانُوا يُقَرِّنُونَهُمُ الشِّعْرَ وَالْخُطْبَ وَأَخْبَارَ الْعَرَبِ وَأَنْسَابَهُمْ وَأَيَّامَهُمْ فِي الْجَاهِلِيَّةِ وَالْإِسْلَامِ.

Terjemahan: Al-Mu'addibun mengajar anak-anak khalifah tentang ilmu Arab, dan mereka mengajarkan mereka (anak-anak khalifah) puisi, ucapan-ucapan, cerita-cerita mengenai bangsa Arab, salasilah-salasilah keturunan dan kisah-kisah peperangan mereka pada zaman Jahiliah dan Islam. (Terjemahan bebas penulis)

Berdasarkan catatan sejarah, antara nama-nama besar yang tergolong dalam golongan *tabaqat al-mu'addibin* pada zaman Umayyah ialah Abu Ma'bad al-Juhani dan 'Amir al-Sha'bi (al-Rafi'i, 2000). Menurut catatan al-Rafi'i (2000) lagi, mereka berdua merupakan antara barisan guru terawal yang ditugaskan mengajar anak-anak khalifah 'Abd al-Malik bin Marwan di istana khalifah. Hal ini membuktikan golongan ilmuwan pada era pemerintahan khalifah zaman Umayyah amat mementingkan ilmu pengetahuan berdasarkan usaha mereka memberi pelajaran terbaik kepada anak-anak yang bakal mewarisi pemerintahan. Dari sudut lain pula, pengkelasan guru kepada anak-anak khalifah dalam kelompok khas yang dikenali sebagai *tabaqat al-mu'addibin* menunjukkan penghormatan istimewa terhadap golongan tersebut yang memiliki ilmu pengetahuan.

Justeru, dapat difahami bahawa terdapat perbezaan jelas antara penggunaan beberapa istilah yang berasal daripada kalimah *al-adab*. Mengikut penjelasan yang diberikan oleh Ibn Qutaybah (2005) dalam bukunya *Adab al-Katib*, kalimah *al-adib* merujuk kepada individu yang mengetahui pelbagai bidang ilmu seperti ilmu bahasa, ilmu sejarah, ilmu nasab dan sebagainya. Hal ini bersesuaian dengan peranannya sebagai penulis di Dar al-Khalifah yang antara tugas utamanya ialah menguruskan hal-hal berkaitan pentadbiran. Manakala kalimah *al-mu'addib*

pula merujuk kepada orang alim atau ilmuwan yang ditugaskan untuk mengajar anak-anak khalifah di dalam istana. Golongan inilah yang dimaksudkan sebagai *tabaqat al-mu'addibin* ataupun *tabaqat al-mu'allimin* pada zaman Umayyah. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kesemua usaha yang dilaksanakan pada zaman pemerintahan Umayyah ini menunjukkan bukti yang amat jelas bahawa ilmu pengetahuan berkait rapat dengan bidang sastera. Ilmu pengetahuan dapat diperoleh melalui aktiviti-aktiviti sastera yang seterusnya dapat meninggikan peradaban masyarakat Arab pada ketika itu.

Sorotan ringkas tentang perkataan *al-adab* dalam kesusasteraan Arab khususnya selepas kehadiran Islam mempunyai perkaitan rapat dengan ilmu (Rahmah & Mohd Shahrizal, 2014). Justeru, tidak keterlaluan jika disebut bahawa sastera berperanan sebagai wadah untuk menyebarkan ilmu. Pendirian menolak sastera secara total hanya kerana kefahaman bahawa sastera adalah wadah hiburan perlu diperbetulkan. Malah sebenarnya sastera mampu berfungsi menyebarkan ilmu-ilmu Islam kepada manusia. Mohd. Kamal (1996) menyebut bahawa seni dan sastera yang dihasilkan berdasarkan perspektif ilmu adalah sesuatu yang dituntut oleh Islam kerana ia merupakan satu pengiktirafan manusia terhadap nilai yang baik, murni dan diredai oleh Allah s.w.t. Pemahaman ini wujud berdasarkan kepentingan ilmu yang digariskan dalam nas-nas agama. Ilmu yang benar akan mendorong manusia melakukan ketaatan kepada Allah s.w.t. Justeru, kesusasteraan yang dikaitkan dengan ilmu akan membawa satu kesepaduan untuk kebaikan manusia. Walau bagaimanapun, menurut Mohd Kamal (1996) lagi, pelbagai aliran falsafah Barat seperti idealisme, ateisme, romantisme, humanisme, realisme sosialis, eksistentialisme, dadaisme dan sebagainya telah meresapi karya-karya besar dalam sejarah sastera Barat serta mempengaruhi perkembangan seni dan sastera moden dalam dunia Islam.

Menurut Malik bin Nabi (1987) kesusasteraan adalah salah satu cabang penting pendidikan untuk manusia mendepani kepesatan tamadun dalam kehidupan di dunia. Justeru, kesusasteraan tidak boleh dipinggirkan dalam usaha membina tamadun bangsa yang terbilang. Oleh itu, dapat diperhatikan pelbagai usaha dilakukan oleh para cendekiawan bagi memastikan cabang kesusasteraan tidak dimasuki anasir jahat yang boleh melemahkan martabat sesuatu bangsa. Tidak dapat dinafikan bahawa kemasukan ideologi-ideologi yang bertentangan dengan Islam juga berlaku menerusi cabang kesusasteraan. Walau bagaimanapun, hal ini tidak sama sekali didiamkan oleh para sarjana Islam malah ia telah mencetuskan satu revolusi dalam kesusasteraan yang mengembalikan ajaran Islam dalam bidang kesusasteraan.

Menurut Haddad (1991) antara punca yang membangkitkan perubahan dalam bidang kesusasteraan khususnya melibatkan Islam ialah apabila masyarakat Islam menyedari keperluan pembebasan daripada kuasa Barat. Hal ini kemudiannya dikaitkan dengan usaha mengislamisasikan ilmu agar umat Islam kembali menghargai dan memanfaatkan khazanah ilmu berteraskan Islam. Inilah antara perkara utama yang diketengahkan oleh al-Nadwi bagi memastikan pendidikan yang diberikan kepada anak-anak orang Islam mestilah berteraskan Islam. Sebenarnya al-Nadwi (1977) telah mengkritik usaha Barat yang menjadikan pendidikan sebagai alat yang boleh merosakkan bukan sahaja pemikiran umat Islam tetapi juga pegangan agama. Justeru, dapat dilihat bahawa usaha al-Nadwi mengembalikan pendidikan berteraskan Islam adalah satu usaha yang bersifat komprehensif kerana turut melibatkan bidang kesusasteraan.

Bidang kesusasteraan mempunyai cakupan yang amat luas. Hal ini kerana hasil karya sastera dibaca oleh segenap lapisan masyarakat dengan latar belakang yang berbeza. Oleh itu,

al-Nadwi berusaha memperkasakan pendidikan berteraskan Islam dengan memanfaatkan bidang kesusasteraan sebagai wadah untuk menerapkan asas-asas penting bagi pendidikan Islam. Menerusi penumpuan al-Nadwi terhadap Sastera Islam, ditambah pula dengan komitmennya dalam Liga Sastera Islam Sedunia (*Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiah*), beliau dilihat memberi penumpuan khusus terhadap penghasilan bahan karya Sastera Islam untuk bacaan masyarakat. Bahan bacaan ini meliputi buku-buku yang membicarakan perihal pendidikan dan sastera menurut kaca mata Islam seperti bukunya yang berjudul *Nazarat fi al-Adab*.

Kesemua ini membuktikan bahawa al-Nadwi adalah seorang sarjana Islam yang mempunyai pemikiran cukup jelas tentang perkaitan antara sastera dengan pendidikan. Pemahaman bahawa sastera adalah antara wadah pendidikan membuatkan usahanya memerangi kemasukan ideologi Barat dalam kesusasteraan adalah bertujuan untuk memastikan pendidikan Islam tidak dicemari oleh anasir jahat yang bertentangan dengan ajaran Islam. Kerosakan yang berlaku dalam bidang kesusasteraan secara langsung akan mengakibatkan berlakunya kekejian dalam bidang pendidikan bagi umat Islam.

SASTERA KANAK-KANAK ISLAMI

Islam mementingkan pendidikan untuk kanak-kanak. Perkara ini dibuktikan dengan jelas menerusi perintah Rasulullah s.a.w. agar para ibu bapa mengajarkan anak-anak mereka untuk menunaikan solat ketika berusia tujuh tahun. Ini satu perintah yang jelas menunjukkan Islam mementingkan pendidikan untuk kanak-kanak. Kepentingan pendidikan dapat dilihat dengan memahami bahawa kanak-kanak memerlukan panduan untuk membentuk pemikirannya (Mahmud Hasan, 2011). Dalam konteks Islam pula, pendidikan yang diberikan kepada kanak-kanak mestilah berasaskan kepada garis panduan agama.

Sebagai contoh, al-Quran memberi penjelasan tentang pendidikan untuk anak-anak yang wajib diberikan kepada mereka. Islam menggesa ibu bapa dapat mendidik anak-anak agar memahami batasan muamalat mereka dengan sesama orang dewasa termasuk ibu bapa. Al-Quran menegaskan keperluan untuk anak-anak yang telah mencapai usia baligh agar meminta kebenaran sekiranya ingin memasuki bilik orang dewasa termasuk ibu bapa mereka pada waktu berehat atau waktu untuk bersendirian seperti waktu malam. Firman Allah s.w.t. dalam al-Quran:

﴿وَإِذَا بَلَغَ الْأَطْفَالُ مِنْكُمُ الْحُلُمَ فَلْيَسْتَأْذِنُوا كَمَا اسْتَأْذَنَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ﴾

Terjemahan: Dan apabila kanak-kanak daripada kalangan kamu telah baligh, maka hendaklah mereka meminta izin sama seperti cara orang (yang telah cukup umur) yang tersebut dahulu, meminta izin. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-Nya (yang menjelaskan hukum-Nya) dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. (Surah al-Nur, 24: 59)

Contoh didikan yang ditunjukkan dalam al-Quran ini memberi pemahaman bahawa kanak-kanak sememangnya memerlukan bimbingan daripada orang yang lebih dewasa daripada mereka. Penjelasan tentang waktu-waktu yang dibenarkan untuk anak-anak memasuki bilik orang dewasa di dalam rumah, serta keperluan untuk meminta kebenaran terlebih dahulu sebelum memasuki bilik adalah satu contoh jelas menggambarkan keperluan memberikan didikan terhadap golongan kanak-kanak. Didikan ini akan menzahirkan keperluan seseorang anak mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. pada usia mereka. Akhirnya, didikan yang diberikan oleh ibu bapa atau orang dewasa sebagaimana satu contoh tersebut, akan dapat membina satu pemikiran Islami dalam minda anak-anak. Jika didikan yang diberikan kepada kanak-kanak adalah didikan yang baik, maka pastinya ia akan membentuk pemikiran yang baik, begitulah pula sebaliknya.

Muhammad Nur (1993) menggariskan beberapa perkara berkaitan pendidikan untuk kanak-kanak yang dikaitkan dengan Islam. Antara perkara tersebut ialah menyemai rasa cinta terhadap ilmu, menekankan penghafalan beberapa ayat al-Quran dan hadis, memilih guru dan tempat belajar yang baik, mementingkan pengetahuan tentang bahasa Arab, mementingkan penguasaan bahasa asing, memandu anak-anak dalam memilih kecenderungan terhadap bidang ilmu, menyediakan perpustakaan di rumah, dan mendedahkan sejarah kehidupan para ilmuwan Islam ketika mereka melalui zaman kanak-kanak. Semua ini adalah antara perkara yang perlu dilakukan bagi mendidik anak-anak dengan didikan Islam secara lebih praktikal.

Seperti mana yang dijelaskan oleh Muhammad Nur (1993), didapati bahawa antara perkara yang disebut berkaitan pendidikan berasaskan Islam untuk kanak-kanak ialah aspek sumber atau bahan pendidikan untuk anak-anak. Pendedahan terhadap ayat-ayat al-Quran dan hadis serta kisah sejarah para sarjana Islam ketika mereka berada pada zaman kanak-kanak menunjukkan bahawa bahan pendidikan memainkan peranan yang cukup penting dalam pendidikan awal anak-anak Muslim.

Menurut Muhammad Nur (1993) lagi, pendedahan kepada kanak-kanak terhadap “*al-qissah*” (kisah: ejaan dalam bahasa Melayu) merupakan antara bahan yang dapat mempengaruhi minat dan pemikiran mereka. Malah jika dirujuk kepada al-Quran, Allah s.w.t. turut memaparkan kisah-kisah yang sarat dengan pengajaran sebagai panduan mahupun peringatan kepada manusia. Dalam hal ini, fokus berkaitan dimensi Sastera Kanak-Kanak Islami wajar diperhalusi kerana “*al-qissah*” (kisah) adalah sebahagian daripada genre sastera yang dilihat amat sesuai untuk kanak-kanak. Secara umum juga dapat diperhatikan genre kisah banyak dimanfaatkan oleh para karyawan dalam menghasilkan bahan bacaan untuk kanak-kanak. Dalam konteks ini, genre kisah yang termasuk dalam salah satu genre sastera mempunyai ciri-ciri yang dapat disesuaikan dengan tahap pemikiran kanak-kanak bagi memperoleh ilmu.

Seperti mana yang telah dinyatakan sebelum ini, golongan kanak-kanak adalah entiti dalam kumpulan masyarakat yang sememangnya perlu diberi perhatian dalam hal berkaitan ilmu dan pendidikan. Oleh kerana sastera juga merupakan salah satu cabang daripada pendidikan, maka sastera tidak boleh dipisahkan daripada kanak-kanak. Menurut Mahmud Hasan (2011), aktiviti berkaitan pembacaan adalah asas penting dalam memperkenalkan sastera kepada kanak-kanak.

Namun, hal ini tidak bermakna hanya kanak-kanak yang mampu membaca sahaja boleh didedahkan dengan sastera. Sebenarnya usaha memperkenalkan sastera kepada kanak-kanak

terletak kepada usaha ibu bapa yang perlu membacakan bahan bacaan bermanfaat kepada anak-anak mereka.

Ahmad Najib (1991) menyimpulkan bahawa Sastera Kanak-Kanak antara lain mampu menjadi penggerak kepada usaha mendidik anak-anak dengan pendidikan kerohanian yang betul. Hal ini semestinya bergantung kepada pendedahan bahan bacaan yang tepat kepada golongan tersebut. Malah menurut Misran (2001), sastera untuk kanak-kanak adalah agen pembangunan yang memberi kesan terhadap pembangunan diri kanak-kanak sama ada melibatkan emosi, pemikiran dan kebahasaannya. Shaykh (2015) turut menyatakan peranan sastera khususnya untuk kanak-kanak dalam membentuk cara berfikir mereka, manakala Thumamah (2016) menghujahkan peranan serta kepentingan sastera dalam membangunkan kebolehan berbahasa dalam diri kanak-kanak. Justeru, dapat difahami bahawa antara perkara penting yang diketengahkan dalam diskusi mengenai Sastera Kanak-Kanak ialah berkaitan dengan bahan bacaan untuk kanak-kanak.

Seperti mana yang telah dinyatakan, bahan bacaan untuk kanak-kanak menjadi asas kepada cakupan perbincangan berkaitan Sastera Kanak-Kanak. Oleh itu, Hunt (1999) ketika menghuraikan Sastera Kanak-Kanak telah menengahkan persoalan tentang kesesuaian buku yang menjadi bahan bacaan. Dalam konteks Sastera Kanak-Kanak, buku terbaik didedahkan untuk kanak-kanak ialah yang bersesuaian dengan keperluan mereka. Hal ini kerana setiap buku mempunyai perbezaan tersendiri, maka pemilihan bahan yang betul akan menghasilkan kesan yang positif terhadap aktiviti pembacaan oleh kanak-kanak.

Dengan memahami perkara yang disebutkan ini, fokus utama dalam perbincangan tentang Sastera Kanak-Kanak dapat diberi perhatian kepada kandungan yang terdapat dalam sesebuah karya. Oleh sebab itu, terdapat banyak kajian yang dilakukan berkaitan Sastera Kanak-Kanak berusaha menjelaskan panduan tentang elemen-elemen yang bersesuaian sebagai kandungan sastera untuk golongan ini. Nasir (2011) antara lain menyenaraikan beberapa elemen yang perlu diberi perhatian dalam penghasilan ataupun pemilihan karya sastera untuk kanak-kanak iaitu bahasa, keindahan struktur luaran, kandungan yang bersesuaian, serta genre sastera yang bersesuaian dengan kanak-kanak. Pandangan ini turut dipersetujui oleh Zaynab (2016) yang menambah satu lagi elemen penting iaitu penghasilan karya sastera mesti mengambil kira peranan pengantara antara kanak-kanak dengan bahan sastera. Hal ini bermaksud, golongan dewasa perlu memainkan fungsi yang betul dalam proses pendidikan kanak-kanak menerusi karya sastera.

Pandangan Islam perlu diambil perhatian dalam konteks Sastera Kanak-Kanak kerana semestinya Islam mempunyai garis panduan umum dalam hal ini. Perkaitan sastera sebagai sebahagian daripada pendidikan telah cukup membuktikan bahawa Islam tidak melepaskan hal ini kepada manusia tanpa sebarang petunjuk. Al-Kilani (t.th.) antara lain menegaskan bahawa Sastera Kanak-Kanak mestilah dirujuk kepada sastera yang memberi kesan bercirikan kebenaran dengan ungkapan indah yang berpandukan kepada prinsip dan akidah Islam. Al-Rabi' dan Ahmad 'Ali (1998) pula menegaskan bahawa Sastera Kanak-Kanak yang dikaitkan dengan Islam perlu bersumberkan al-Quran dan hadis. Justeru, keperluan untuk memperkukuhkan istilah yang disebut Sastera Kanak-Kanak Islami dilihat sebagai satu keperluan memandangkan golongan kanak-kanak Muslim mesti didedahkan dengan bahan bacaan yang berteraskan ajaran Islam.

Penekanan terhadap sumber sastra untuk kanak-kanak daripada al-Quran dan hadis tidak bermakna sastra jenis ini tidak memiliki keindahan. Sebaliknya al-Quran dan hadis mengandungi banyak kisah indah yang bukan sahaja dari segi struktur luarannya malah turut melibatkan pengajaran yang terkandung di dalamnya. Sayyid Qutb (t.th.) menjelaskan bahawa kisah dalam al-Quran membawa seruan agama yang diperlukan oleh manusia. Oleh itu, kisah-kisah dalam al-Quran perlu diperkenalkan kepada kanak-kanak dengan gaya bahasa yang sesuai dengan tahap pemikiran mereka agar pengajaran daripada kisah tersebut dapat difahami dengan baik. Hakikat ini membuktikan bahawa Islam tidak pernah mengetepikan sastra daripada kehidupan manusia termasuk golongan kanak-kanak. Oleh itu, al-Quran dan sumber berautoriti lain dalam Islam perlu dimanfaatkan untuk kanak-kanak agar mereka mendapat faedah daripadanya.

Usaha membawa masyarakat khususnya golongan kanak-kanak untuk memanfaatkan kandungan sumber berautoriti dalam Islam iaitu al-Quran dan hadis telah dilakukan oleh para sarjana Islam antaranya al-Nadwi. Buktinya jelas apabila beliau bukan sahaja menghasilkan buku-buku untuk bacaan orang dewasa tetapi turut menyasarkan golongan kanak-kanak. Ini bertepatan dengan hakikat bahawa kanak-kanak dilihat sebagai golongan yang berada pada peringkat awal dan paling penting bagi menerima proses pendidikan Islam yang asas sesuai dengan tahap usia mereka. Dalam konteks ini, al-Nadwi tidak hanya membicarakan perihal pendidikan dan sastra menurut Islam secara teori semata-mata, malah turut menghasilkan karya sastra khusus untuk bacaan kanak-kanak seperti bukunya berjudul *Qasas al-Nabiyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak), *Sirah Khatim al-Nabiyin li al-Atfal* (Sejarah Hidup Penutup Sekalian Nabi untuk Kanak-Kanak) dan *Qasas min al-Tarikh al-Islami li al-Atfal* (Kisah daripada Sejarah Islam untuk Kanak-Kanak).

Penggunaan perkataan “*al-atfal*” (untuk kanak-kanak) yang diletakkan pada judul karya membuktikan bahawa al-Nadwi berusaha mengetengahkan ideanya berkenaan Sastra Kanak-Kanak Islami secara praktikal agar kanak-kanak didedahkan dengan bahan bacaan yang berpaksikan tradisi ilmu Islam. Oleh itu, penerokaan terhadap dimensi pemikiran al-Nadwi tentang Sastra Kanak-Kanak Islami (*Adab al-Atfal al-Islami*) dilihat amat signifikan. Hal ini bagi memastikan usaha yang diberi perhatian oleh al-Nadwi dapat terus dimanfaatkan oleh masyarakat. Apabila masyarakat memahami kepentingan Sastra Kanak-Kanak Islami dalam proses pendidikan berteraskan Islam, maka mereka dapat memberi perhatian terhadap pemilihan bahan bacaan terbaik untuk anak-anak. Dari sudut yang lain pula, penerokaan terhadap perspektif al-Nadwi berkenaan tasawur Sastra Kanak-Kanak Islami ini perlu dijadikan asas kepada para karyawan khususnya daripada kalangan Muslim dalam usaha menghasilkan karya sastra yang berteraskan Islam sesuai dengan semangat mengembalikan kegemilangan tradisi ilmu Islam.

AL-NADWI DAN SASTERA KANAK-KANAK ISLAMI

Al-Nadwi merupakan seorang tokoh yang bukan sahaja bercakap tentang Sastra Islam dari sudut teori, tetapi beliau turut menghasilkan karya sastra berteraskan Islam. ‘Abd al-Basit (1421H) dan al-Ghawri (2009) menyatakan bahawa antara sumbangan al-Nadwi dalam perkembangan Sastra Islam ialah melibatkan usahanya yang memberi penekanan terhadap Sastra Kanak-Kanak. Perkara ini menunjukkan bahawa gagasan Sastra Islam turut mencakupi

kesusasteraan untuk pelbagai peringkat masyarakat termasuk golongan kanak-kanak. Al-Ghawri (2009) menghuraikan penekanan yang diberikan oleh al-Nadwi terhadap Sastera Kanak-Kanak Islami untuk golongan kanak-kanak Muslim terserlah dengan penghasilan karya-karya yang bersesuaian dengan usia mereka. Antara perkara yang diberi penekanan oleh al-Nadwi dalam menghasilkan karya sastera untuk kanak-kanak ialah aspek bahasa, dakwah, pendidikan Islam, dan warisan Islam (al-Ghawri, 2009).

Kesemua aspek yang ditekankan oleh al-Nadwi dalam penghasilan karya sastera untuk golongan kanak-kanak menunjukkan betapa kukuhnya pemahaman beliau tentang keperluan meletakkan Islam sebagai asas penting dalam kesusasteraan. Sepertimana yang telah dinyatakan, al-Nadwi telah melakukan inisiatif menghasilkan karya khusus untuk golongan kanak-kanak, iaitu *Qasas al-Nabiyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak), *Sirah Khatim al-Nabiyin li al-Atfal* (Sejarah Hidup Penutup Sekalian Nabi untuk Kanak-Kanak) dan *Qasas min al-Tarikh al-Islami li al-Atfal* (Kisah daripada Sejarah Islam untuk Kanak-Kanak).

Penghasilan karya-karya tersebut yang dikhususkan untuk kanak-kanak dengan koleksi paparan sejumlah besar kisah para nabi dan ulama Islam membuktikan wujudnya sudut pandang tersendiri al-Nadwi tentang Sastera Kanak-Kanak Islami. Tambahan pula usaha al-Nadwi tersebut mendapat pengiktirafan daripada beberapa orang tokoh besar dalam dunia kesusasteraan Arab antaranya ialah Sayyid Qutb. Dalam mukadimah buku al-Nadwi berjudul *Qasas al-Nabiyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak), Sayyid Qutb menyatakan bahawa tulisan al-Nadwi (1996: 4) ini adalah sebuah karya yang paling baik untuk kanak-kanak berbanding karya berkaitan *al-Sirah al-Nabawiyah* lain termasuk yang dihasilkan olehnya sendiri.

ولقد قرأت الكثير من كتب الأطفال - بما في ذلك قصص الأنبياء عليهم الصلوات والسلام - وشاركت في تأليف مجموعة "القصص الديني للأطفال" في مصر مأخوذاً كذلك من القرآن الكريم. ولكي أشهد في غير مجاملة - أن عمل السيد أبي الحسن في هذه القصة التي بين يدي، جاء أكمل من هذا كله.

Terjemahan: Dan sesungguhnya saya telah membaca banyak buku kanak-kanak - dengan antaranya termasuk buku tentang kisah para nabi ‘alayhim al-salah wa al-salam - dan saya sendiri telah menulis sejumlah karya “kisah-kisah agama untuk kanak-kanak” di Mesir yang bersumberkan al-Quran al-Karim. Namun saya bersaksi tanpa berselindung, sesungguhnya karya al-Nadwi ini yang berada pada tangan saya ini, dihasilkan dengan amat baik berbanding buku-buku lain. (Terjemahan bebas penulis)

Pengiktirafan terhadap usaha dan karya al-Nadwi oleh tokoh besar seperti Sayyid Qutb wajar diberi perhatian bagi melihat sejauh mana kandungan karya tersebut sejajar dengan pengiktirafan yang diberikan. Justeru, bagi memahami dengan lebih lanjut tentang perspektif al-Nadwi mengenai tasawur Sastera Kanak-Kanak Islami, beberapa perkara berikut diketengahkan dalam makalah ini.

Pemeriksaan Tema *al-Sirah al-Nabawiyah*

Penelitian mendapati bahawa al-Nadwi menghasilkan karya sastra untuk kanak-kanak dengan mengetengahkan tema *al-Sirah al-Nabawiyah* (Sejarah Kehidupan Nabi). Al-Nadwi sebenarnya turut menghasilkan sebuah karya berkaitan *al-Sirah al-Nabawiyah* khususnya tentang kehidupan Rasulullah s.a.w. Dengan penghasilan karya berkaitan *al-Sirah al-Nabawiyah* yang dikhususkan untuk kanak-kanak, ia membuktikan bahawa sejarah para nabi sangat penting sebagai antara sumber ilmu untuk semua lapisan masyarakat. Hal ini meskipun kandungan *al-Sirah al-Nabawiyah* perlu disesuaikan dengan peringkat usia pembaca. Semua ini sebenarnya berbalik kepada pandangan al-Nadwi yang menyatakan bahawa *al-Sirah al-Nabawiyah* adalah salah satu sumber *Adab al-Tabi'i* (Sastra Tulen) yang perlu ditekankan pemanfaatannya dalam penghasilan karya sastra.

Seruan al-Nadwi menggesa para karyawan memberi perhatian terhadap Sastra Islam dengan penekanan turut diberikan terhadap sastra kanak-kanak agar kembali memperkasa *al-Adab al-Tabi'i* (Sastra Tulen) berteraskan Islam dilihat sebagai perspektif tersendiri al-Nadwi mengenai Sastra Kanak-Kanak Islami. Menurut al-Nadwi, *Adab al-Tabi'i* (Sastra Tulen) adalah khazanah kesusasteraan Arab yang perlu diberi perhatian sewajarnya lebih-lebih lagi apabila ia mempunyai perkaitan langsung dengan Islam. Hakikatnya, kesusasteraan Arab yang dikaitkan dengan Islam secara rapat merupakan tradisi kesusasteraan umat Islam. Al-Nadwi menjelaskan hal ini menerusi ungkapannya dalam buku *Nazarat fi al-Adab* (1997: 22):

إنّ هذا الأدب الطبيعي الجميل القوي كثير وقديم في المكتبة العربية، بل هو أكبر سنًا وأسبق زمنًا من الأدب الصناعي، فقد دَوّن هذا الأدب في كتب الحديث والسيرة قبل أن يدوّن الأدب الصناعي في كتب الرسائل والمقامات، ولكنه لم يحظ من دراسة الأدباء والباحثين وعنايتهم ما حظي به الأدب الصناعي، مع أنّه هو الأدب الذي تجلّت فيه عبقرية اللغة العربية وأسرارها وبراعة أهل اللغة ولباقتهم، وهو مدرسة الأدب الأصيلة الأولى.

Terjemahan: Sesungguhnya *al-Adab al-Tabi'i* (Sastra Tulen) ini mempunyai keindahan dan kemantapan dan sastra jenis ini mempunyai jumlah yang banyak dan bersifat klasik dalam khazanah kesusasteraan Arab. Sastra jenis ini adalah khazanah yang telah lama dan mendahului zaman penciptaan sastra rekaan (*al-Adab al-Sina'i*). Sastra asli telah termaktub dalam kitab-kitab hadis dan sirah sebelum wujudnya sastra rekaan yang terdapat dalam genre kesusasteraan Arab seperti *al-rasa'il* dan *al-maqamat*, namun Sastra Tulen tidak mendapat perhatian daripada para karyawan dan pengkaji sepertimana perhatian mereka terhadap sastra rekaan. Sedangkan Sastra Tulen mempamerkan ketinggian kedudukan bahasa Arab dan keunikan di dalamnya serta menyerlahkan kebijaksanaan ahli bahasa dan pendokong mereka. Dan Sastra Tulen merupakan wadah pemikiran sastra yang unggul. (Terjemahan bebas penulis)

Ungkapan yang dinyatakan oleh al-Nadwi tersebut menjelaskan kepentingan memanfaatkan sumber khazanah ilmu Islam yang dicontohkan antaranya dengan *al-Hadith al-Nabawi* dan *al-Sirah al-Nabawiyyah* sebagai sumber sastra (al-Nadwi, 1997). Inilah yang cuba diketengahkan oleh al-Nadwi menerusi gesaannya agar *al-Adab al-Tabi'i* diperkasakan oleh para karyawan Muslim. Jika harapan agar *Adab al-Tabi'i* (Sastra Tulen) diperkasakan tidak diletakkan di atas bahu golongan karyawan Muslim, maka khazanah sastra yang bertunjangkan Islam ini pasti akan lenyap begitu sahaja. Kesan daripada keadaan ini akan merugikan umat Islam sendiri kerana tidak dapat mengambil manfaat daripada ilmu menerusi bahan-bahan sastra yang secara jelas bertunjangkan sumber Islam.

Oleh itu, al-Nadwi sendiri dilihat memberi penekanan yang amat serius terhadap *al-Sirah al-Nabawiyyah* yang termasuk sebagai sebahagian daripada *Adab al-Tabi'i* (Sastra Tulen). Ini terbukti dengan penghasilan karya al-Nadwi berkaitan *al-Sirah al-Nabawiyyah* untuk orang dewasa dan juga kanak-kanak. Meskipun kandungan buku tersebut berlegar pada perkara yang sama iaitu antaranya mempersembahkan sejarah kehidupan Rasulullah s.a.w. dan para rasul lain, namun al-Nadwi didapati berusaha mewacanakan kandungan buku mengikut peringkat kehidupan manusia. Berdasarkan keadaan ini, dapat difahami bahawa al-Nadwi melihat kepentingan *al-Sirah al-Nabawiyyah* sebagai bahan ilmu yang perlu didedahkan kepada golongan kanak-kanak sejak dari awal perkembangan minda mereka. Apatah lagi ditambah dengan wujudnya pelbagai watak-watak buatan yang digambarkan sebagai wira dalam media massa, maka amat wajar kanak-kanak Muslim didedahkan dengan *al-Sirah al-Nabawiyyah* memandangkan para nabi dan rasul adalah contoh ikutan bagi manusia.

Pemanfaatan Genre *al-Qissah*

Penghasilan karya untuk golongan kanak-kanak oleh al-Nadwi menggambarkan perspektif pemikirannya mengenai Sastra Kanak-Kanak Islami. Hatta pada judul karya-karya tersebut turut memberi gambaran perspektif al-Nadwi tentang sastra untuk kanak-kanak. Karya al-Nadwi yang dimaksudkan ialah *Qasas al-Nabiyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak), *Sirah Khatim al-Nabiyin li al-Atfal* (Sejarah Hidup Penutup Sekalian Nabi untuk Kanak-Kanak) dan *Qasas min al-Tarikh al-Islami li al-Atfal* (Kisah daripada Sejarah Islam untuk Kanak-Kanak). Ketiga-tiga karya ini dihasilkan dalam genre *al-qissah* (kisah/cerita) yang secara jelas diletakkan sebagai tajuk bagi karya-karya tersebut.

Dengan peletakan perkataan “li al-atfal” (untuk kanak-kanak) pada judul setiap karya al-Nadwi dalam genre *al-qissah* tersebut, maka ia mengundang pemahaman bahawa al-Nadwi telah dengan yakin mengiktiraf ketiga-tiga karya tersebut sebagai karya sastra yang menepati keperluan kanak-kanak. Dengan kata lain, al-Nadwi dengan jelas mengesahkan bahawa ketiga-tiga karyanya itu bersesuaian dengan tahap pemikiran serta keperluan golongan kanak-kanak.

Keperluan memanfaatkan genre *al-qissah* untuk bacaan kanak-kanak dinyatakan oleh al-Nadwi dalam mukadimah karyanya berjudul *Qasas min al-Tarikh al-Islami li al-Atfal* (Kisah daripada Sejarah Islam untuk Kanak-Kanak) (1992: 5-6):

وإذا كانت هذه القصص والحكايات على مستوى عقول الأحداث والأطفال، وفي اللغة التي يفهمونها بسهولة، ويسبقونها ويتذوقونها، كانت مدرسة للأطفال يتعلمون فيها المبادئ والأخلاق الفاضلة، والدوافع النبيلة، والمشاعر الكريمة الرقيقة، من غير أن تثقل عليهم، ومن غير سامة وملل.

Terjemahan: Dan sekiranya kisah dan hikayat (yang diberikan kepada kanak-kanak) sesuai dengan tahap persekitaran dan pemikiran kanak-kanak, dan dalam bahasa yang mereka dapat memahaminya dengan mudah, dan dapat memahaminya serta menjiwainya, maka (kisah yang dijadikan bahan bacaan kanak-kanak itu) boleh dianggap sebagai wadah pembelajaran bagi kanak-kanak untuk mereka mempelajari prinsip-prinsip dan etika yang mulia, dan perkara-perkara yang terpuji, dan naluri-naluri yang baik dan halus, tanpa (semua perkara tersebut) menyukarkan mereka, dan tanpa jemu dan bosan. (Terjemahan bebas penulis)

Penjelasan yang dibuat oleh al-Nadwi menunjukkan beliau mengambil pendekatan sepertimana yang dizahirkan dalam al-Quran tentang pemanfaatan *al-qissah* sebagai wadah untuk menyampaikan ilmu dan iktibar. Hal ini sepertimana yang diserlahkan dalam al-Quran tentang *al-qissah* yang dimuatkan sebagai antara kandungannya. Maka dapat difahami bahawa al-Nadwi menggunakan pendekatan al-Quran bagi menghasilkan karya untuk golongan kanak-kanak. Perlu dinyatakan di sini apabila melibatkan pendekatan al-Quran pastinya kitab suci ini tidak boleh disamatarafkan dengan karya yang dihasilkan manusia. Oleh sebab itu, dalam makalah ini, perkataan *al-qissah* dikekalkan dalam ejaan bahasa Arab bagi membezakan *al-qissah* dalam al-Quran dengan “kisah” atau “cerita” dalam karya ciptaan manusia. Al-Nadwi turut menukilkan beberapa ayat al-Quran yang mengandungi perkataan *al-qissah* dalam mukadimah karyanya (1992: 6):

ولا أبلغ ولا أصدق من قول الله تعالى في كتابه العزيز: ﴿لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ﴾.

ويقول مخاطباً لنبيه صلى الله عليه وآله وسلم: ﴿فَاقْصُصِ الْقَصَصَ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ﴾.

Terjemahan: Dan tidak ada yang lebih fasih dan benar selain daripada firman Allah s.w.t. dalam al-Quran yang bermaksud: “Demi sesungguhnya, kisah para nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang yang mempunyai akal fikiran...” (Surah Yusuf, ayat 111)

Dan Allah s.w.t. berfirman kepada nabi-Nya yang bermaksud: “... maka ceritakanlah kisah-kisah itu supaya mereka berfikir.” (Surah al-A’raf, ayat 176)

Beberapa ciri-ciri *al-qissah* dalam al-Quran secara jelas menunjukkan ia berbeza dengan pemahaman dalam bidang kesusasteraan tentang “kisah” atau “cerita” (Mohd Shahrizal

& Nurazan, 2014). Jika difahami dengan cermat, *al-qissah* dalam al-Quran bersifat benar. Kesemua *al-qissah* dalam al-Quran adalah satu *al-qissah* yang benar-benar berlaku dan bukan sebuah kisah khayalan atau ciptaan manusia. Inilah yang perlu difahami dengan cermat oleh pihak yang mendakwa bahawa al-Quran mengandungi atau sarat dengan “cerita”. Allah s.w.t. menjelaskan perkara ini menerusi firman-Nya:

﴿إِنَّ هَذَا هُوَ الْقَصَصُ الْحَقُّ وَمَا مِنْ إِلَهٍ إِلَّا اللَّهُ وَإِنَّ اللَّهَ هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ﴾

Terjemahan: Sesungguhnya ini ialah *al-qissah* yang benar, dan tiadalah Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah dan (ingatlah), sesungguhnya Allah, Dialah jua yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (Surah Ali ‘Imran, 3: 62)

Selain itu, jika dikaji ciri-ciri *al-qissah* dalam al-Quran, maka didapati bahawa *al-qissah* dalam al-Quran tidak bersifat rinci. Malah, terdapat sesebuah *al-qissah* dalam al-Quran itu terletak dalam beberapa surah al-Quran yang berlainan. Terdapat juga beberapa ayat al-Quran yang berkaitan dengan sesebuah *al-qissah* diulang beberapa kali dalam beberapa surah al-Quran yang berbeza. Para ulama berpendapat bahawa *al-qissah* dalam al-Quran tidak diwahyukan untuk tujuan keseronokan atau sia-sia. Uslub *al-qissah* dirakamkan dalam al-Quran dengan tujuan yang jelas iaitu agar manusia mengambil pengajaran (*‘ibrah*) yang berguna untuk kehidupan. Pengajaran inilah yang menjadi tujuan utama perakaman *al-qissah* dalam al-Quran. Oleh itu, perjalanan atau plot *al-qissah* dalam al-Quran tidak dinyatakan secara terperinci. Dari sini jelas menunjukkan bahawa aspek yang dijadikan keutamaan oleh Allah s.w.t. adalah pengajaran (*‘ibrah*) daripada *qissah* tersebut.

Usaha al-Nadwi menghasilkan karya untuk kanak-kanak dilihat mengambil pendekatan sepertimana *al-qissah* dalam al-Quran. Buktinya kandungan *al-qissah* dalam ketiga-tiga karyanya *Qasas al-Nabiyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak), *Sirah Khatim al-Nabiyin li al-Atfal* (Sejarah Hidup Penutup Sekalian Nabi untuk Kanak-Kanak) dan *Qasas min al-Tarikh al-Islami li al-Atfal* (Kisah daripada Sejarah Islam untuk Kanak-Kanak) semuanya berkaitan sejarah kehidupan para nabi dan kelompok Muslim yang benar-benar pernah berlaku di alam nyata. Pengkisahan pula dibuat bagi menyerlahkan pengajaran di sebalik peristiwa yang dialami oleh mereka. Inilah bahan-bahan ilmu yang sepatutnya didedahkan kepada golongan kanak-kanak Muslim sedari awal usia mereka memperoleh ilmu. Sebagaimana yang dinukilkan oleh Sayyid Qutb dalam mukadimah karya al-Nadwi (1996) berjudul *Qasas al-Nabiyin li al-Atfal* yang turut menyebut bahawa *al-qissah* adalah bahan pertama yang sesuai didedahkan ke dalam hati suci golongan kanak-kanak.

Penekanan Terhadap Aspek Nilai Murni dalam Karya

Pemilihan al-Nadwi terhadap kisah para nabi dan golongan sarjana Islam sebagai bahan bacaan untuk kanak-kanak antara lain adalah untuk mereka mencontohi keperibadian mulia yang dipamerkan dalam kisah tersebut. Sebagai contoh mudah, para nabi adalah golongan yang mesti memiliki sifat-sifat yang mulia seperti *al-sidq* (benar), *al-amanah* (jujur), *al-tabligh* (menyebarkan dakwah) dan *al-fatanah* (kebijaksanaan). Sifat-sifat tersebut wajib dimiliki oleh

para nabi memandangkan mereka adalah golongan yang dipilih oleh Allah s.w.t. untuk menyampaikan dakwah kepada manusia. Justeru, sifat-sifat mulia yang dizahirkan dalam keperibadian para nabi menerusi sejarah kehidupan mereka dapat dilihat oleh kanak-kanak semasa membaca karya mengenainya. Ini secara langsung memberi ruang kepada kanak-kanak mencontohi nilai-nilai murni dalam kehidupan para nabi tersebut.

Selain itu, pendedahan perkara-perkara yang bersifat khayalan atau dongeng sebenarnya perlu dielakkan daripada golongan kanak-kanak Muslim. Dalam keadaan umat Islam memiliki ilmu bersumberkan sejarah kehidupan para nabi, maka keperluan untuk memanfaatkannya sebagai antara sumber ilmu bagi golongan kanak-kanak tidak boleh dikesampingkan. Usaha al-Nadwi memperkasakan kisah para nabi dapat dilihat berdasarkan mukadimah yang ditulisnya pada karyanya *Qasas al-Nabiyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak) (1996: 6-7):

ابن أخي العزيز! أراك حريصاً على القصص والحكايات. وكذلك كل طفل في سنّك. تسمع هذه القصص بكلّ رغبة، وتقرأها بكلّ رغبة، ولكّني أتأسّف لأيّ لا أرى في يدك إلا حكايات السننير والكلاب والأسد والذئب والقردة والدباب...
وقد بدأت تتعلّم اللغة العربيّة لأنّها لغة القرآن والرسول ولغة الدين... ولكّني أخجل أنّك لا تجد ما يوافق سنّك من القصص العربيّة، إلا قصص الحيوانات، والأساطير والخرافات.

Terjemahan: Duhai anak saudaraku yang dimuliakan! Saya melihat kesungguhanmu membaca kisah dan hikayat. Dan begitu juga kanak-kanak yang seusia denganmu. Kamu mendengar kisah dengan penuh minat, dan membacanya dengan penuh minat, akan tetapi sungguh mendukacitakan kerana saya tidak melihat pada tanganmu buku melainkan tentang kucing, anjing, singa, serigala, monyet, dan beruang...

Dan kamu telah mula mempelajari bahasa Arab kerana ia bahasa al-Quran, bahasa Rasulullah, dan bahasa agama Islam... Namun saya khuatir kamu tidak menemui kisah dalam bahasa Arab yang sesuai dengan usiamu, melainkan yang ada hanyalah kisah-kisah binatang, dan khayalan, dan khurafat. (Terjemahan bebas penulis)

Mukadimah yang ditulis oleh al-Nadwi ini cukup jelas menggambarkan aspirasinya yang ingin memperbetulkan keadaan dalam pendidikan kanak-kanak Muslim. Penghasilan karya pertamanya berkaitan Sastera Kanak-Kanak Islami iaitu *Qasas al-Nabiyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak) tercetus apabila melihat anak saudaranya iaitu Muhammad bin ‘Abd al-‘Ali al-Hasani yang gemar membaca buku-buku cerita namun semuanya berkaitan dengan kisah haiwan (al-Nadwi, 1996). Dalam keadaan anak saudara al-Nadwi juga ketika itu giat mempelajari bahasa Arab, maka al-Nadwi melihat satu keperluan agar golongan kanak-kanak Muslim semisal anak saudaranya itu didedahkan dengan kisah para nabi, dan bukannya kisah haiwan yang sarat dengan unsur dongeng dan khurafat.

Perkara tersebut membawa kepada pemahaman bahawa al-Nadwi amat prihatin terhadap keperluan golongan kanak-kanak untuk dihidangkan dengan bahan bacaan yang kandungannya bersifat benar. Maka kebenaran yang pasti adalah berkaitan kehidupan para nabi kerana sumber kepada kisah-kisah tersebut daripada al-Quran, hadis dan sejarah Islam. Hal inilah yang dinyatakan sebelum ini apabila al-Nadwi berusaha memperkasakan tema *al-Sirah al-Nabawiyyah* dalam karyanya untuk golongan kanak-kanak. Kata al-Nadwi dalam menjelaskan hal ini dalam mukadimah *Qasas al-Nabiyin li al-Atfal* (1996: 7):

فَرَأَيْتُ أَنْ أَكْتُبَ لَكَ وَلِأَمْثَالِكَ أَبْنَاءَ الْمُسْلِمِينَ قِصَصَ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ بِأَسْلُوبٍ سَهْلٍ يُوَافِقُ سَنَتَكَ وَذَوْقَكَ، فَفَعَلْتُ، وَهَذَا هُوَ الْكِتَابُ الْأَوَّلُ مِنْ "قِصَصِ النَّبِيِّينَ لِلْأَطْفَالِ" أَهْدِيهِ إِلَيْكَ.

Terjemahan: Maka saya rasakan perlu dihasilkan bahan bacaan tentang kisah para nabi dan rasul untuk kamu dan anak-anak Muslim seusia denganmu, dengan gaya bahasa yang mudah bersesuaian dengan umur dan jiwamu. Maka saya hasilkan karya, dan inilah karya pertama daripada *Qasas al-Nabiyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak), yang saya hadiahkan kepada kamu. (Terjemahan bebas penulis)

Di samping itu, golongan para nabi merupakan golongan yang mendapat wahyu langsung daripada Allah s.w.t. Justeru, setiap kisah yang melatari kehidupan mereka pastinya sarat dengan nilai-nilai murni yang sepatutnya diterapkan dalam diri golongan kanak-kanak. Malah apabila al-Nadwi menghasilkan sebuah karya khas berkaitan Rasulullah s.a.w. berjudul *Sirah Khatim al-Nabiyin li al-Atfal* (Sejarah Hidup Penutup Sekalian Nabi untuk Kanak-Kanak) maka ia membuktikan pandangan al-Nadwi yang sangat jelas tentang keperluan nilai-nilai murni dalam keperibadian diri baginda sepatutnya diterapkan dalam pembentukan sahsiah kanak-kanak Muslim. Hal ini dijelaskan oleh al-Nadwi (1985: 5) dalam mukadimah karya tersebut:

وقَدْ جَاءَتْ فِيهِ خِلَاصَةُ السَّيَرَةِ وَلِبَائِهَا، وَرَوَائِعُ حِكَايَاتِهَا وَأَخْبَارِهَا، وَتَارِيخُ الدَّعْوَةِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْأُولَى وَفَتْوحَاتِهَا وَانْتِصَارَاتِهَا، وَعَجَائِبُ التَّرْبِيَةِ النَّبَوِيَّةِ وَمُعْجَزَاتِهَا، فَأَصْبَحَ الْكِتَابُ مَدْرَسَةً كَامِلَةً يَنْشَأُ فِيهَا الطَّالِبُ بَيْنَ إِيمَانٍ وَحَنَانٍ وَيَتَقَلَّبُ بَيْنَ رُوحٍ وَرِيحَانٍ...


Terjemahan: Dan buku ini mengandungi ringkasan sejarah hidup Rasulullah dan peristiwa penting dalam kehidupannya, serta hikayat dan berita yang menarik, juga sejarah penyebaran dakwah Islam era pertama dan penaklukan kawasan serta kemenangan dalam peperangan, dan kemenangannya, dan juga kehebatan pendidikan berasaskan wahyu kenabian serta mukjizatnya. Maka buku ini dapat menjadi wadah pembelajaran yang lengkap, bagi tujuan melahirkan pelajar yang hidup dalam lingkungan iman dan kelembutan, serta membesar dengan acuan semangat dan suasana yang baik... (Terjemahan bebas penulis)

Jelaslah bahawa al-Nadwi sangat mementingkan aspek nilai-nilai murni yang perlu diterapkan dalam karya sastera untuk bacaan kanak-kanak. Golongan ini perlu didedahkan dengan akhlak para nabi yang ditunjukkan dalam kisah hidup mereka, lebih-lebih lagi kehidupan Rasulullah s.a.w. Sebelum “watak hebat” yang digambarkan sebagai wira ciptaan manusia didedahkan kepada kanak-kanak Muslim, adalah lebih wajar agar mereka didedahkan dengan ketokohan para nabi dan rasul terutama Rasulullah s.a.w. Hal ini sepertimana pengiktirafan yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepada Rasulullah s.a.w. yang memiliki keperibadian yang sangat mulia. Firman Allah s.w.t. dalam al-Quran:

﴿لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا﴾

Terjemahan: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang). (Surah al-Ahzab, 33: 21)

Berdasarkan penjelasan ini, dapat difahami bahawa al-Nadwi menghasilkan karya sastera untuk kanak-kanak berasaskan tasawur Islam yang sangat jelas. Al-Nadwi mempunyai perspektif tersendiri berkenaan Sastera Kanak-Kanak Islami yang bukan sahaja bersifat teori, malah ia turut diaplikasi dengan penghasilan karya-karya beliau iaitu *Qasas al-Nabiyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak), *Sirah Khatim al-Nabiyin li al-Atfal* (Sejarah Hidup Penutup Sekalian Nabi untuk Kanak-Kanak) dan *Qasas min al-Tarikh al-Islami li al-Atfal* (Kisah daripada Sejarah Islam untuk Kanak-Kanak). Rajah 1 berikut menunjukkan ringkasan pandangan al-Nadwi tentang tasawur Sastera Kanak-Kanak Islami.



Rajah 1: Tasawur Sastera Kanak-Kanak Islami Menurut al-Nadwi

Perbincangan ini menyerlahkan sebahagian daripada sumbangan besar al-Nadwi dalam pemerikasaan Sastera Islam menerusi Sastera Kanak-Kanak Islami. Hal ini menurut Mohd Shahrizal dan Kamarul Shukri (2020) adalah antara bukti jelas usaha al-Nadwi yang

dilakukannya secara personal seawal tahun 1940-an, selain usaha-usaha lain yang turut disertainya bersama kalangan sarjana Islam lain bagi memartabatkan gagasan Sastera Islam. Oleh itu, pemikiran al-Nadwi berkenaan Sastera Kanak-Kanak Islami perlu terus diterokai agar satu garis panduan yang lengkap dapat diketengahkan, seterusnya dimanfaatkan oleh masyarakat bukan sahaja daripada kalangan penulis tetapi juga golongan pembaca.

KESIMPULAN

Huraian dalam makalah ini membuktikan bahawa al-Nadwi telah merintis usaha memperkasakan Sastera Kanak-Kanak Islami bukan sahaja secara teori menerusi idea-ideanya berkaitan sastera jenis ini, tetapi turut menghasilkan karya sastera khusus untuk kanak-kanak Muslim. Malah usaha al-Nadwi dilihat konsisten berasaskan perspektifnya yang jelas tentang tasawur Sastera Kanak-Kanak Islami dengan terhasilnya tiga karya agung beliau khusus untuk kanak-kanak iaitu *Qasas al-Nabiyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak), *Sirah Khatim al-Nabiyin li al-Atfal* (Sejarah Hidup Penutup Sekalian Nabi untuk Kanak-Kanak) dan *Qasas min al-Tarikh al-Islami li al-Atfal* (Kisah daripada Sejarah Islam untuk Kanak-Kanak). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kandungan karya-karya al-Nadwi untuk kanak-kanak telah dihasilkan antara lain berteraskan tiga perkara utama iaitu, pemerkasaan tema “*al-Sirah al-Nabawiyyah*”, pemanfaatan genre “*al-qissah*” dan penekanan terhadap aspek nilai murni dalam karya. Ketiga-tiga elemen ini memperlihatkan perspektif al-Nadwi yang sangat jelas tentang Sastera Kanak-Kanak Islami berteraskan kerangka Islam. Semua elemen yang dinyatakan ini secara langsung dapat membantu para penggiat sastera khususnya daripada kalangan Muslim untuk menghasilkan karya bermutu sebagai bacaan kanak-kanak Muslim sejajar dengan garis panduan yang dijelaskan oleh al-Nadwi melalui kerangka pemikirannya.

RUJUKAN

- al-Qur'an al-Karim.
- ‘Abd al-Basit Badr. (1421H). Juhud Abi al-Hasan fi khidmah al-Adab al-Islami. *Majallah al-Adab al-Islami*, 7(26-27), 38-42.
- Abdullah Basmeih. (2010). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Qur'an*. Cet. 12. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abu Dawud, Sulayman bin al-Ash'ath bin Ishaq. (2009). *Sunan Abi Dawud*. Tahqiq: Shu'ayb al-Arna'ut. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ahmad Najib. (1991). *Adab al-atfal: 'Ilm wa fann*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- al-Ahwani, Ahmad Fu'ad. (1967). *al-Tarbiyah fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- al-Ghawri, Sayyid 'Abd al-Majid. (2009). *al-'Allamah Abu al-Hasan al-Nadwi: Ra'id al-Adab al-Islami*. Beirut: Dar Ibn Kathir li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Haddad, Y.Y. (1991). The revivalist literature and the literature on revival. Dlm. Yvonne Yazbeck Haddad, John Obert Voll & John L. Esposito (pnyt.). *The contemporary Islamic revival*. New York: Greenwood, 3-21.
- Hunt, P. (1999). Introduction: The world of children's literature studies. Dlm. Hunt, P. (pnýt.). *Understanding children's literature*. Ed. 2. London: Routledge.

- Ibn Kathir, 'Imad al-Din Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir. (2004). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Jil. 4. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibn Qutaybah. (2005). *Adab al-katib*. Kaherah: Dar al-Tala'i'.
- al-Kilani, Najib. (t.t.h.). *Adab al-atfal fi daw' al-Islam*. Qasantinah-Algeria: Mu'assasah al-Isra'.
- Mahmud Hasan Isma'il. (2011). *al-Marja' fi adab al-atfal*. Cet. 3. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Malik bin Nabi. (1987). *Shurut al-nahdah*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Misran Rokimin. (2001). *Sastera kanak-kanak dan remaja sebagai agen pembangunan*. Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-Kanak dan Remaja. Dewan Bahasa dan Pustaka, 26-27 April.
- Mohd. Kamal Hassan. (1996). *Seni, sastera dan agama: Satu kesepaduan*. Prosiding Simposium Serantau Sastera Islam. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam, 90-106.
- Mohd Shahrizal Nasir & Nurazan Mohmad Rouyan. (2014). Qissah Qur'aniyyah dalam surah al-Kahf menyerlahkan pengajaran ('ibrah) dan fadilat surah. *'Ulum Islamiyyah Journal*, 14, 131-156.
- Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2020). Sumbangan al-Nadwi terhadap perkembangan sastera Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(3), 111-130.
- Mohd Zaidi Ismail. (2009). Faham ilmu dalam Islam: Pengamatan terhadap tiga takrifan utama ilmu. *Jurnal Afkar*, 10, 39-60.
- Muhammad Nur. (1993). *Manhaj al-tarbiyah al-nabawiyyah li al-tifl*. Cet. 4. Mansurah: Dar al-Wafa' li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- al-Nadwi, Abu al-Hasan 'Ali. (1977). *al-Tarbiyah al-Islamiyah al-hurrah*. Cet. 2. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Nadwi, Abu al-Hasan 'Ali. (1985). *Sirah Khatim al-Nabiyyin li al-atfal*. Cet. 9. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Nadwi, Abu al-Hasan 'Ali. (1992). *Qasas min al-tarikh al-Islami li al-atfal*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Nadwi, Abu al-Hasan 'Ali. (1996). *Qasas al-nabiyyin li al-atfal*. Cet. 20. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Nadwi, Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi. (1997). *Nazarat fi al-adab*. Cet. 2. 'Amman: Dar al-Bashir li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Nasir Yusuf Jabir Shabanah. (2011). Adab al-atfal: Dirasah fi al-mafhum. *Majallah Jami'ah Umm al-Qura li 'Ulum al-Lughat wa Adabiha*, 6, 13-42.
- Nasr al-Din Ibrahim Ahmad Hussein. (2005). *al-Adab al-Islami: al-Itar wa al-manhaj*. Kuala Lumpur: Markaz al-Buhuth bi al-Jami'at al-Islamiyah al-'Alamiyah bi Malizya.
- al-Qayrawani, Abu 'Ali al-Hasan bin Rashi. (1996). *al-'Umdah fi mahasin al-shi'r wa adabih*. Beirut: Dar wa Maktabah al-Hilal.
- al-Rabi', Muhammad 'Abd al-Rahman & Ahmad 'Ali Zalat. (1998). *Adab al-atfal wa thaqafatuh wa buhuthuh fi Jami'ah al-Imam Muhammad bin Su'ud al-Islamiyyah*. Riyadh: Jami'ah al-Imam Muhammad bin Su'ud al-Islamiyyah.
- al-Rafi'i, Mustafa Sadiq. (2000). *Tarikh adab al-'Arab*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.

- Rahmah Ahmad Osman & Mohd Shahrizal Nasir. (2014). Sastera sebagai sumber ilmu: Satu tinjauan terhadap sorotan pengertian al-adab. *Jurnal Universiti Islam Sultan Sharif Ali*, 3, 1-29.
- Sayyid Qutb. (t.th.) *al-Taswir al-fanni fi al-Qur'an*. Cet. 9. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- al-Shanti, Muhammad Salih. (2005). *Fi al-adab al-'Arabi al-qadim: al-'asr a-Jahili, sadr al-Islam, al-'asr al-Umawi*. Cet. 4. Ha'il: Dar al-Andalus li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Shawqi Dayf. (1982). *Tarikh al-adab al-'Arabi: al-'Asr al-Jahili*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Shaykh Muhammad. (2015). Adab al-atfal: Ahdafuh wa ab'aduh. *Majallah al-'Asimah*, 7, 169-171.
- Syed Muhammad Rabey Hasani Nadwi. (2014). *Syed Abul Hasan 'Ali Nadwi: An eminent scholar, thinker and reformer*. Mohammed Moidul Haque (Terj.). New Delhi: D.K. Printworld (P) Ltd.
- al-Tabrani, Sulayman bin Ahmad bin Ayyub. (t.th.). *al-Mu'jam al-kabir*. Tahqiq: Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi. Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah.
- Thumamah Faysal bin Abi al-Makarim. (2016). al-Tathqif al-lughawi li al-atfal 'an tariq adab al-atfal. *al-Ba'th al-Islami*, 3(62), 82-90.
- al-Tirmidzi, Muhammad bin 'Isa bin Surah. (1996). *Jami' al-Tirmidzi*. Tahqiq: Bashshar 'Awwad Ma'ruf. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir & Zulkarnain Mohamed. (2020). *Watak dan perwatakan dalam sastera: Islam, Barat dan Melayu*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zaynab Birah Jakli. (2016). *Adab al-atfal fi al-'Asr al-Hadith*. Rabitah Udaba' al-Sham. Diakses pada 13 Mei 2019 daripada: <http://www.odabasham.net/1--85085/عرض-كتاب-أدب-الأطفال-في-العصر-الحديث>